



Ismail Sabri pada majlis Makan Tengah Hari Lou Sang Tahun Baharu Cina Keluarga Malaysia, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

# Kerajaan kini stabil, dapat sokongan rakan parti lain

PM ulas kenyataan  
Sanusi isu  
kestabilan  
politik negara

**Kuala Lumpur:** Tidak timbul isu kerajaan akan lebih stabil jika UMNO tidak menjadi kerajaan, itu kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengulas kenyataan Menteri Besar

Kedah, Datuk Seri Sanusi Muhammad Md Nor.

Ismail Sabri berkata, kerajaan kini adalah kerajaan UMNO dan beliau sendiri adalah perdana menteri dari UMNO, yang mendapat sokongan daripada rakan parti lain.

“Kita dah tunjuk (buktikan) kerajaan ini stabil, saya sendiri Perdana Menteri UMNO dan disokong oleh rakan parti yang lain,” katanya selepas majlis Makan Tengah Hari Lou Sang Tahun Baharu Cina Keluarga Malaysia, semalam.

Terdahulu, Muhammad Sa-

nusi dilaporkan berkata formula untuk melihat kestabilan politik di Malaysia dan negeri seluruh negara adalah bila UMNO tidak lagi memerintah.

Sementara itu Ismail Sabri berkata, kestabilan politik negara juga dibuktikan dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan dengan pembangkang.

“Ia tidak pernah berlaku sebelum ini, ia semua bagi memastikan politik negara dalam keadaan stabil, jadi tiada isu seperti yang dikatakan oleh MB (Muhammad Sanusi) itu,” katanya. BERNAMA